



Rujukan Kami : KPM.BPSM.S.100-6/3/12 Jld.5 (1)

Tarikh : 24 Mei 2022

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader/ Pinjaman

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PINDAAN TARIKH DAN MAKLUMAT DI LAMPIRAN J BAGI URUSAN  
KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG32  
HINGGA GRED DG54 DAN ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA SECARA *TIME-  
BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA (KPM) BAGI JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat kementerian ruj.: KPM.BPSM.S.100-6/3/12 Jld.5 (1) bertarikh 19 Mei 2022 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dimaklumkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bahawa terdapat kerja-kerja peningkatan platform pangkalan data Sistem Aplikasi KPM dari Oracle11g kepada Oracle19c bermula dari 27 Mei 2022 (Jumaat) hingga 29 Mei 2022 (Ahad).

3. Sehubungan itu, bagi mengelakkan kegagalan pada capaian internet dan intranet, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPM **telah membuat pindaan tarikh permohonan Urusan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK)** di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula seperti jadual di bawah:

Bil.	Tarikh	Tempoh	Keterangan
1.	03 Jun 2022 (Jumaat)  hingga  03 Julai 2022 (Ahad)	31 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh <b>PERMOHONAN CALON</b> dibuka</li> <li>• Tarikh tutup pada <b>03 Julai 2022 (SEBELUM jam 11.59 malam)</b></li> </ul> <p><b>NOTA PERINGATAN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sebarang permohonan, pengemaskinian maklumat [termasuk Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)] dan perakuan <b>SELEPAS TARIKH TUTUP</b> permohonan calon (Di JPN/ Bahagian/IAB/IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) <b>TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN;</b> dan</li> <li>ii. <b>Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi adalah BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA</b> sekiranya terdapat kesilapan maklumat yang telah dimuat naik.</li> </ol>



Bil.	Tarikh	Tempoh	Keterangan
2.	04 Julai 2022 (Isnin)  hingga  24 Julai 2022 (Ahad)	21 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh <b>PERAKUAN KETUA JABATAN</b> (Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) <b>KEPADA JPN/ BAHAGIAN</b></li> <li>Tarikh tutup pada <b>24 Julai 2022 (SEBELUM jam 11.59 malam)</b></li> </ul> <p><b>NOTA PERINGATAN:</b></p> <p>i. Sebarang permohonan, pengemaskinian maklumat [termasuk Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)] dan perakuan <b>SELEPAS TARIKH TUTUP</b> permohonan calon (Di JPN/ Bahagian/IAB/IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) <b>TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN:</b></p> <p>ii. Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi adalah <b>BERTANGGUNG JAWAB SEPENUHNYA</b> sekiranya terdapat kesilapan maklumat yang telah dimuat naik; dan</p> <p>Sebarang usaha untuk membuat perakuan <b>SELEPAS</b> tarikh berkenaan <b>TIDAK AKAN BERJAYA.</b></p>
3.	25 Julai 2022 (Isnin)  hingga  15 Ogos 2022 (Isnin)	22 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh <b>PERAKUAN PENYEMAK/ PENGESAH</b> di JPN/ Bahagian/ IAB/ IPGM <b>KEPADA BPSM, KPM</b></li> <li>Tarikh tutup pada <b>15 Ogos 2022 (SEBELUM jam 11.59 malam)</b></li> </ul> <p><b>NOTA PERINGATAN:</b></p> <p>Sebarang usaha untuk membuat perakuan <b>SELEPAS</b> tarikh berkenaan <b>TIDAK AKAN BERJAYA</b></p>

3. Tarikh-tarikh tutup di atas adalah **MUKTAMAD** dan **SEBARANG RAYUAN PELANJUTAN URUSAN INI TIDAK DAPAT DIPERTIMBANGKAN.**

4. Bersama-sama ini juga dikemukakan **LAMPIRAN J YANG TERKINI – SENARAI KETUA JABATAN** untuk rujukan dan perhatian.

**5. SILA RUJUK SURAT SIARAN YANG DISERTAKAN UNTUK MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING BERKAITAN URUSAN INI.**

Sekian, dimaklumkan.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AIDA MAIZURA BINTI MAZLAN)**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: TKSU (P)  
TKPPM (Operasi Sekolah)  
SUB (SM)  
TSUBK (SM) O  
TSUBK (SM) P  
TSUB (SM) K  
TSUB (SM) D  
TSUB (SM) TW  
TSUB (SM) L  
TSUB (SM) PO



## SENARAI KETUA JABATAN

TEMPAT BERTUGAS CALON	KETUA JABATAN
Sekolah Harian / Pejabat Pendidikan Daerah/ Jabatan Pendidikan Negeri / Sekolah Dalam Hospital / SM Agama / SMK Agama / SABK  SM Pendidikan Khas  SM Teknik / Kolej Vokasional  SM Berasrama Penuh / Sains / SBPI  Sekolah Sukan dan Sekolah Seni  Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti Negeri  Bahagian - Bahagian di KPM	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri masing - masing  Pengarah Bahagian Pendidikan Khas  Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional  Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh  Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  Ketua Nazir Bahagian Jemaah Nazir  Pengarah / Setiausaha Bahagian masing - masing
Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus  Kolej Matrikulasi  Institut Aminuddin Baki	Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (Cyberjaya)  Pengarah Bahagian Matrikulasi  Pengarah Institut Aminuddin Baki



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
Aras 2-5 dan 13-14, Blok E12, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 603-8884 6000  
Faks : 603-8888 6292  
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan Kami : KPM.BPSM.S.100-6/3/12 Jld.5 (1)

Tarikh : 19 Mei 2022

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader / Pinjaman

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG32 HINGGA GRED DG54 DAN ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengadakan urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi pegawai - pegawai seperti berikut:

- (a) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 hingga Gred DG54 bagi urusan **JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**;
- (b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41/ DG42 ke Gred DG44 yang mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) bagi urusan **JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**;
- (c) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG44 ke Gred DG48 yang mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) bagi urusan **JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**; **(HANYA PPP YANG BELUM MENGGUNA PAKAI PENGALAMAN PPPLD SEMASA KE GRED DG44 SAHAJA)**; dan
- (d) Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) bagi urusan **JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**.

3. Iklan bagi urusan ini akan **DIBUKA MENERUSI SISTEM ePangkat** mengikut tarikh - tarikh penting seperti di jadual berikut:

Bil.	Tarikh	Tempoh	Keterangan
1.	26 Mei 2022 (Khamis)  hingga  25 Jun 2022 (Sabtu)	31 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh <b>PERMOHONAN CALON</b> dibuka</li> <li>• Tarikh tutup pada <b>25 Jun 2022 (SEBELUM jam 11.59 malam)</b></li> </ul> <p><b>NOTA PERINGATAN:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sebarang permohonan, pengemaskinian maklumat [termasuk Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)] dan perakuan <b>SELEPAS TARIKH TUTUP</b> permohonan calon (Di JPN/ Bahagian/IAB/IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) <b>TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN</b>; dan</li> <li>ii. <b>Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi adalah BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA</b> sekiranya terdapat kesilapan maklumat yang telah dimuat naik.</li> </ul>



Bil.	Tarikh	Tempoh	Keterangan
2.	26 Jun 2022 (Ahad)  hingga  16 Julai 2022 (Sabtu)	21 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh <b>PERAKUAN KETUA JABATAN</b> (Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) <b>KEPADA JPN/ BAHAGIAN</b></li> <li>Tarikh tutup pada <b>16 Julai 2022 (SEBELUM jam 11.59 malam)</b></li> </ul> <p><b>NOTA PERINGATAN:</b></p> <p>i. Sebarang permohonan, pengemaskinian maklumat [termasuk Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)] dan perakuan <b>SELEPAS TARIKH TUTUP</b> permohonan calon (Di JPN/ Bahagian/IAB/IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi) <b>TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN:</b></p> <p>ii. Pengetua/ Guru Besar/ Timbalan Pengarah JPN/ Bahagian atau Pengarah IAB Cawangan/ IPG Kampus/ Kolej Matrikulasi adalah <b>BERTANGGUNG JAWAB SEPENUHNYA</b> sekiranya terdapat kesilapan maklumat yang telah dimuat naik; dan</p> <p>iii. Sebarang usaha untuk membuat perakuan <b>SELEPAS</b> tarikh berkenaan <b>TIDAK AKAN BERJAYA.</b></p>
3.	17 Julai 2022 (Ahad)  hingga  07 Ogos 2022 (Ahad)	22 hari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh <b>PERAKUAN PENYEMAK/ PENGESAH</b> di JPN/ Bahagian/ IAB/ IPGM <b>KEPADA BPSM, KPM</b></li> <li>Tarikh tutup pada <b>07 Ogos 2022 (SEBELUM jam 11.59 malam)</b></li> </ul> <p><b>NOTA PERINGATAN:</b></p> <p>Sebarang usaha untuk membuat perakuan <b>SELEPAS</b> tarikh berkenaan <b>TIDAK AKAN BERJAYA</b></p>

- Mulai tahun 2019, urusan TBBK dilaksanakan berdasarkan **PERMOHONAN OLEH CALON SENDIRI**. Calon hanya perlu menyemak semua maklumat yang telah dikemaskini oleh Ketua Jabatan masing - masing menggunakan **log masuk sendiri** bagi permohonan TBBK tersebut melalui **sistem ePangkat**. **SEBARANG PERCANGGAHAN MAKLUMAT PERKHIDMATAN HENDAKLAH DIMAKLUMKAN SEGERA KEPADA KETUA JABATAN UNTUK DIKEMAS KINI**.
- Sila rujuk **Carta Alir Proses Kerja Urusan Kenaikan Pangkat PPP dan AKP Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK)** menggunakan **sistem ePangkat** seperti di **LAMPIRAN A**.

4. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat di atas, **semua Ketua Jabatan** hendaklah:

- (a) **MENGEMAS KINI TERLEBIH DAHULU MAKLUMAT-MAKLUMAT SEMUA PPP DAN AKP** di dalam **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)**, **sistem HRMIS, sistem eOperasi dan sistem ePangkat**; dan
- (b) **BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA** untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam **sistem ePangkat SAMA** seperti yang **tercatat dalam BPK**.

Senarai PPP dan AKP yang layak dipertimbangkan adalah seperti di **LAMPIRAN B1 hingga LAMPIRAN B4**. Manakala syarat kenaikan pangkat bagi setiap urusan adalah seperti di **LAMPIRAN C1 hingga LAMPIRAN C4**.

5. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah turut dikehendaki untuk mengemukakan **MAKLUMAT YANG JELAS DAN MUDAH DI BACA** seperti di jadual berikut di bawah (Contoh Panduan untuk rujukan adalah seperti di **LAMPIRAN D**):



<b>HALAMAN PERTAMA</b>	<b>URUSAN KENAIKAN PANGKAT</b>	<b>SURAT SPP DAN CATATAN BPK YANG PERLU DIMUAT NAIK</b>
	DG29 hingga DG38	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29
	DG41 KE DG44 (EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29 3. Surat Pengesahan Pelantikan DG41
	DG42 KE DG44 (EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29
	DG44 KE DG48 (EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG29 2. Surat Pengesahan Pelantikan DG41 3. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41
	DG41 KE DG44 (TBBK)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG41
	DG44 KE DG48 (TBBK) DG48 KE DG52 (TBBK) DG52 KE DG54 (TBBK)	1. Surat Pengesahan Pelantikan DG41 2. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41
BAGI AKP	1. Surat Pengesahan Pelantikan di gred lantikan	
<ul style="list-style-type: none"> <li>(TARIKH LANTIKAN GSST / GSTT / SEMENTARA <u>TIDAK BOLEH DIAMBIL KIRA</u> BAGI TUJUAN KENAIKAN PANGKAT)</li> </ul>		
<b>HALAMAN PENTING</b>	<b>URUSAN KENAIKAN PANGKAT</b>	<b>SURAT SPP, SURAT KENAIKAN PANGKAT DAN CATATAN BPK YANG PERLU DIMUAT NAIK</b>
	DG29 ke DG32	Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29
	DG32 ke DG34	Surat kenaikan Pangkat DG32 dan kenyataan TNP gred semasa dalam BPK
	DG34 ke DG38	Surat kenaikan Pangkat DG32 dan DG34 berserta kenyataan TNP gred semasa dalam BPK
	DG41 ke DG44 (TBBK @ TBBK EX-PPPLD)	1. Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41 2. Surat Pelanjutan Tempoh Percubaan Berdenda (TPB) / Tidak Berdenda (Jika Berkaitan)
	DG42 ke DG44 (TBBK EX-PPPLD)	Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat DG42 dan kenyataan TNP gred semasa dalam BPK
	DG44 ke DG48 (TBBK @ TBBK EX-PPPLD)	Surat kenaikan Pangkat DG44 dan kenyataan TNP gred semasa dalam BPK
	DG48 ke DG52	Surat kenaikan Pangkat DG44 dan DG48 berserta kenyataan TNP kesemua gred kenaikan pangkat dalam BPK
	DG52 ke DG54	Surat kenaikan Pangkat DG44, DG48 dan DG52 berserta kenyataan TNP kesemua gred kenaikan pangkat dalam BPK
BAGI AKP	Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan	
<b>HALAMAN TERKINI</b>	Halaman terakhir <b>TERKINI</b> yang dikemas kini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) sehingga tarikh permohonan iklan dibuka.	

6. Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) yang dikemas kini ini akan digunakan bagi semakan silang maklumat-maklumat yang telah dimasukkan di dalam HRMIS, eOperasi



dan ePangkat. **KEGAGALAN MENYEMAK DAN MENGEMAS KINI MAKLUMAT** akan menyebabkan urusan kenaikan pangkat PPP/ AKP di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan **TERJEJAS**. Kementerian **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** ke atas sebarang masalah perakuan yang **TIDAK DIPERAKU** akibat **PERCANGGAHAN MAKLUMAT ATAU MAKLUMAT TIDAK LENGKAP** (Contoh: Tidak memuat naik halaman BPK dan surat seperti yang tercatat dalam nota paparan ePangkat/ kenyataan cuti yang meragukan/ kesilapan tarikh lantikan tetap atau pengesahan dalam jawatan oleh SPP).

7. Bagi PPP Gred DG41/ DG42 yang layak diperaku urusan kenaikan pangkat secara **TBBK EX-PPPLD ke GRED DG44**, Borang Akuan Pilihan TBBK EX-PPPLD **WAJIB DIISI DAN DISAHKAN OLEH KETUA JABATAN** sebelum dimuat naik dalam ePangkat serta direkodkan di dalam BPK PPP tersebut. [Rujuk **LAMPIRAN E (TERKINI) - Surat Akuan Ex-PPPLD** dalam iklan tersebut melalui sistem ePangkat]. **Ketua Jabatan** adalah bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan **PENGALAMAN PPPLD HANYA DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA DALAM PERKHIDMATAN TANPA MENGIRA LALUAN KENAIKAN PANGKAT** (TBBK/ Guru Besar Ex-PPPLD/ Guru Cemerlang Ex-PPPLD).

8. AKP yang menerima tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan baharu hendaklah **MEMUAT NAIK BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN TERSEBUT DALAM MODUL SEMAKAN (BPK)**.

9. Selain itu, diingatkan bahawa ulasan **DIPERAKU/ TIDAK DIPERAKU WAJIB DIISI SEMUA PERINGKAT (MANDATORI)** dalam ePangkat semasa perakuan dibuat seperti paparan di bawah. **Kegagalan berbuat demikian** akan menyebabkan urusan kenaikan pangkat pegawai **tidak dapat diproses** dan **Ketua Jabatan** juga perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keciciran perakuan.

CARIAN PERAKUAN BAHAGIAN / JPN

NAMA IKLAN : URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG44 KE GRED DG48 DI KPM JANUARI HINGGA JUN TAHUN 2021 (202148T0116)

STATUS SEMAKAN : - SILA PILIH -

CARI

SENARAI PERMOHONAN

**\*\*Sila klik pada NAMA untuk melihat borang permohonan.**

BIL	NAMA NO KAD PENGENALAN GRED JAWATAN TEMPAT BERTUGAS	T/LANTIK DG41 T/SAH DG41 TNP DG44 TEPOH BERKHIDMAT	JUMLAH WAJARAN LNPT (100%)	MARKAH KRITERIA KC	MAKLUMAT CUTI	BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN	STATUS PERAKUAN ULASAN  SIMPAN
1	DG44 GURU PE (PEMBEL	03/01/2005					SILA PILIH  ULASAN PGB : PEGAWAI YANG DINILAI TELAH MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN BAIK DAN LAYAK DIPERAKU UNTUK KENAIKAN PANGKAT. ULASAN PENYEMAK : DISOKONG UNTUK KENAIKAN GRED ULASAN KJ : DIPERAKUKAN UNTUK NAIK GRED

CATATAN - Profile 1 - Microsoft Edge

https://epangkat.moe.gov.my/epangkat\_new/bpsm/xperaku\_catatan.php?kp\_utama=

CATATAN ULASAN BPSM

NAMA  
NO KAD PENGENALAN  
STATUS  
CATATAN

Lengkap dan diproses BPSM

HANTAR | TUTUP

**ULASAN DIPERAKU /  
TIDAK DIPERAKU  
WAJIB DIISI SEMUA  
PERINGKAT**

10. Semua urusan kenaikan pangkat hendaklah diperaku menerusi sistem **ePangkat** yang akan dibuka seperti Jadual di Para 3 **KECUALI** pegawai dalam keadaan berikut yang perlu diperakukan **SECARA MANUAL** iaitu:

- (a) Pegawai yang sedang **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)**;
- (b) Pegawai yang telah diluluskan **Cuti Separuh Gaji (CSG) dan / atau Cuti Tanpa Gaji (CTG) / Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan (CTGIP)** - sila kemukakan sesalinan surat kelulusan **CSG/ CTG/ CTGIP** oleh **Ketua Jabatan** (catatan: CSG dan/ atau CTG/ CTGIP boleh **MENJEJASKAN KEKANANAN** kecuali Cuti Belajar);
- (c) Pegawai yang diluluskan **Cuti Sakit berpanjangan melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalender**;
- (d) Pegawai yang berada di **jawatan kader / dalam tempoh peminjaman ke Jabatan/ Kementerian lain**;
- (e) Pegawai yang telah dikenakan **pelanjutan tempoh percubaan dengan berdenda (TPB)** - sila kemukakan sesalinan surat pengesahan **TPB** oleh **Ketua Jabatan**;



- (f) Pegawai yang **pernah diperaku tetapi gagal** dalam urusan berkenaan kerana markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)/ Penilaian Tahap Kriteria Kecemerlangan (KC) tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
- (g) Pegawai yang didapati **Tidak Hadir Bertugas (THB)** bagi sesuatu tempoh tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah atau tanpa kelulusan/ kebenaran Ketua Jabatan serta **tindakan potongan emolumen telah diambil - sila kemukakan dokumen - dokumen yang lengkap berdasarkan kepada keputusan LKPPP Bilangan 5 Tahun 2017 (sila rujuk Para 13 bagi maklumat lanjut);**
- (h) Pegawai yang **telah selesai menjalani hukuman tatatertib** yang dikenakan semasa tempoh perkhidmatan yang melayakkan;
- (i) PPP yang **pernah menolak permohonan kenaikan pangkat secara TBBK** semasa tempoh perkhidmatan yang melayakkan; dan
- (j) Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat **SEBELUM bersara wajib/ bersara pilihan/ meninggal dunia yang diperaku oleh Ketua Jabatan.**

11. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan, LKPPP Bilangan 4 Tahun 2019 memaklumkan bahawa terma **PROSIDING TATATERTIB BERMULA APABILA SURAT PERTUDUHAN DIKELUARKAN**. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 menyatakan bahawa **pegawai yang ditohmah tetapi tidak dapat dibuktikan dan pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib adalah LAYAK DIPERTIMBANGKAN pemangkuan dan kenaikan pangkat**. Perakuan pegawai hendaklah dikemukakan berserta dengan maklumat terperinci mengenai kes beliau dan akan tertakluk kepada keputusan pertimbangan Lembaga. Manakala bagi PPP atau AKP yang **sedang dikenakan tindakan tatatertib**, Ketua Jabatan hanya boleh memperaku PPP atau AKP tersebut **SETELAH TEMPOH HUKUMAN TATATERTIB KES SELESAI.**

12. Untuk makluman juga, Mesyuarat LKPPP Bilangan 3 Tahun 2017 telah memutuskan supaya PPP dan AKP yang berada di dalam jawatan kumpulan (*pool*) dan memperoleh markah yang layak diberi pertimbangan untuk kenaikan pangkat **DITANGGUHKAN pertimbangan kenaikan pangkat sehingga pegawai dikeluarkan daripada jawatan kumpulan (*pool*) serta telah ditempatkan di bahagian, jabatan atau sekolah untuk melaksanakan tugas hakiki** berdasarkan kepada surat edaran KPM rujukan KPM.500-7/1/1 Jld. 8 (81) bertarikh 09 Jun 2017.



13. Bagi calon yang terlibat kes Tidak Hadir Bertugas (THB) seperti di Para 10 (g), Ketua Jabatan perlu merujuk terlebih dahulu kes berkenaan kepada Unit Tatatertib/Integriti masing - masing sepertimana yang diputuskan dalam Mesyuarat LKPPP Bilangan 5 Tahun 2017. **MAKLUM BALAS SECARA BERTULIS DARI UNIT TATATERTIB/ INTEGRITI PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA - SAMA DENGAN PERAKUAN CALON.**

14. Bagi pegawai yang **gagal penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC)**, Mesyuarat LKPPP Bilangan 4 Tahun 2013 telah memutuskan supaya **Ketua Jabatan memaklumkan kepada pegawai untuk mengemukakan rayuan KC dalam tempoh maksimum enam (6) bulan untuk dinilai oleh Panel Rayuan yang berkuat kuasa. Sekiranya pegawai enggan membuat rayuan KC, Ketua Jabatan perlu mendapatkan surat akuan rasmi pegawai. Pegawai kemudiannya perlu diperakukan oleh Ketua Jabatan sebagai calon gagal untuk pertimbangan LKPPP. Pegawai akan dikenakan penalti setahun daripada tarikh asal yang melayakkan** sebelum boleh diperakukan semula setelah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.

15. Manakala bagi pegawai yang **menolak kenaikan pangkat secara TBBK**, bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (JKPPP) No.1 Bilangan 1 Tahun 2020 telah memutuskan bahawa **penetapan tarikh kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi pegawai ditetapkan pada sehari selepas genap enam (6) bulan daripada tarikh kenaikan pangkat secara TBBK yang asal atau pada tarikh pegawai membuat permohonan pertimbangan semula, mana-mana yang terkemudian.** Pertimbangan semula tersebut hendaklah **dikemukakan secara bertulis** kepada Ketua Jabatan dan dimaklumkan kepada urusetia.

16. Bagi pegawai yang **GAGAL Penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC)/ wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)/ MENOLAK kenaikan pangkat secara TBBK**, Ketua Jabatan perlu mengemukakan pertimbangan semula kenaikan pangkat dengan **menggunakan wajaran LNPT/ PBPPP tiga (3) tahun terkini** pada tahun pegawai memenuhi syarat.

17. Oleh kerana kedua-dua keadaan penolakan ini akan memberikan **implikasi kepada perkhidmatan pegawai**, status penolakan pegawai untuk memohon urusan kenaikan pangkat secara TBBK dan penolakan untuk membuat rayuan KC wajib **direkodkan secara sistematik dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)** bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit. Bersama-sama ini dikemukakan akuan penolakan yang terpakai dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian ini seperti berikut:



- i. **Lampiran G: Akuan Penolakan Permohonan** Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan; dan
- ii. **Lampiran H: Akuan Penolakan Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan** Bagi Urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

Pemakaian Lampiran G dan Lampiran H ini adalah **berkuatkuasa dengan serta merta** dan terpakai sepenuhnya mulai 01 Januari 2022.

18. Ketua Jabatan hendaklah memastikan **hanya calon yang BELUM PERNAH DINAIKKAN PANGKAT DALAM MANA - MANA URUSAN KENAIKAN PANGKAT ATAS GRED YANG SAMA SAHAJA DIPERAKUKAN** dalam urusan TBBK. Tindakan memperakukan calon yang telah pun dinaikkan pangkat bagi urusan ini akan dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan berkenaan.

19. Pegawai yang **SEDANG MEMANGKU** juga boleh diperakukan dalam urusan ini (perlu dinyatakan dalam ruang **Ulasan Ketua Jabatan**). Mesyuarat LKPPP Bilangan 1 Tahun 2021 telah bersetuju dengan keputusan berikut:

- i. PPP Siswazah Gred DG41 hingga DG52 yang sedang memangku di Laluan Cemerlang/ SISC+ / SiPartners+ tetapi **tarikh kenaikan pangkat secara TBBK adalah LEBIH AWAL** dari tarikh pemangkuan, pegawai hendaklah diberikan opsyen untuk memilih kenaikan pangkat sama ada di Laluan Cemerlang/ SISC+ / SiPartners+ atau Laluan TBBK. Sekiranya pegawai memilih kenaikan pangkat secara TBBK, pemangkuan pegawai di Laluan Cemerlang/ SISC+ / SiPartners+ akan ditarik balik; dan
- ii. PPP Siswazah Gred DG41 hingga Gred DG52 yang sedang memangku di Laluan Cemerlang / SISC+ / SiPartners+ tetapi **tarikh kenaikan pangkat secara TBBK adalah LEWAT** dari tarikh pemangkuan, **DIWAJIBKAN UNTUK MEMOHON** urusan TBBK yang layak. Penetapan tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah mengikut tarikh naik pangkat mana yang lebih awal dengan mengekalkan gelaran cemerlang (bagi Laluan Cemerlang sahaja) sebagaimana ketetapan Mesyuarat LKPPP Bilangan 6 Tahun 2015.

20. Ketua Jabatan hendaklah memastikan **perakuan dibuat bagi SEMUA pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan kenaikan pangkat secara TBBK** bagi mengelakkan sebarang keciciran berulang termasuklah pegawai yang sedang

memangku. **Ketua Jabatan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap kecaciran perakuan.**

21. Bersama-sama ini dikemukakan garis panduan pengurusan kenaikan pangkat secara TBBK seperti berikut:

- LAMPIRAN F1** : Tanggungjawab Calon
- LAMPIRAN F2** : Tanggungjawab Ketua Jabatan
- LAMPIRAN I1** : Senarai semak penyediaan maklumat TBBK bagi PPP
- LAMPIRAN I2** : Senarai semak penyediaan maklumat TBBK bagi AKP
- LAMPIRAN J** : Senarai Ketua Jabatan

22. Garis panduan tersebut juga **AKAN DIMUAT NAIK DALAM SISTEM ePANGKAT** untuk memudahkan rujukan. Segala kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dalam melancarkan urusan ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AIDA MAIZURA BINTI MAZLAN)**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k : TKSU (P)
- TKPPM (Operasi Sekolah)
- SUB (SM)
- TSUBK (SM) O
- TSUBK (SM) P
- TSUB (SM) K
- TSUB (SM) D




TSUB (SM) TW

TSUB (SM) L

TSUB (SM) PO

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PROSES KERJA URUSAN KENAIKAN PANGKAT PPP DAN AKP SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) MENGGUNAKAN SISTEM EPANGKAT



LAMPIRAN B1

**SENARAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) MELALUI SISTEM ePANGKAT BAGI JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**

URUSAN	GENAP TEMPOH PERKHIDMATAN (TAHUN)
<b>Gred DG52 ke Gred DG54</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tarikh Naik Pangkat (TNP) Gred DG52 mulai <b>Julai hingga Disember 2019</b></li> </ul>	3
<b>Gred DG48 ke Gred DG52</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>TNP Gred DG48 mulai <b>Julai hingga Disember 2016</b></li> </ul>	6
<b>Gred DG44 ke Gred DG48</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>TNP Gred DG44 mulai <b>Julai hingga Disember 2014</b></li> </ul>	8
<b>Gred DG41 ke Gred DG44</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tarikh Lantik Gred DG41 mulai <b>Julai hingga Disember 2014*</b></li> </ul> <p><i>* Tarikh berdasarkan tarikh pengesahan pelantikan oleh SPP</i></p>	8
<b>Gred DG34 ke Gred DG38</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>TNP Gred DG34 mulai <b>Julai hingga Disember 2017</b></li> </ul>	5
<b>Gred DG32 ke Gred DG34</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>TNP Gred DG32 mulai <b>Julai hingga Disember 2014</b></li> </ul>	8
<b>Gred DG29 ke Gred DG32</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tarikh Lantik Gred DG29 mulai <b>Julai hingga Disember 2014*</b></li> </ul> <p><i>* Tarikh berdasarkan tarikh pengesahan pelantikan oleh SPP</i></p>	8



JADUAL KIRAAN TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) GRED DG41/ DG42 KE GRED DG44 (KUP) YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN SEBAGAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2022

PPPLD		PPPS			TEMPOH GENAP 8 TAHUN BAGI URUSAN TBBK
TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA*	TAHUN LANTIKAN PPP GRED DG41  ATAU TAHUN KENAIKAN PANGKAT GRED DG42	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS GRED DG41/ DG42 PADA 01.07.2022 HINGGA 31.12.2022	KOMBINASI TEMPOH TAHUN (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
3	1	2015	7	1 + 7	8
4					
5					
6	2	2016	6	2 + 6	8
7					
8					
9	3	2017*	5	3 + 5	8
10					
11 dan lebih					

\* Genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD dikira sebagai satu (1) tahun berkhidmat di PPPS dengan had maksimum pengalaman sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS Gred DG41/ DG42

**\*\*PENGALAMAN PPPLD HANYA BOLEH DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA DALAM PERKHIDMATAN TANPA MENGIRA LALUAN KENAIKAN PANGKAT (TBBK/ GURU BESAR EX-PPPLD/ GURU CEMERLANG EX-PPPLD)**

JADUAL KIRAAN TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) GRED DG44 KE GRED DG48 (KUP) YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN SEBAGAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) DAN **BELUM MENGGUNAPAKAI PENGALAMAN PPPLD SEMASA KE GRED DG44** BAGI JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022

PPPLD		PPPS			TEMPOH GENAP 8 TAHUN BAGI URUSAN TBBK
TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA*	TAHUN KENAIKAN PANGKAT PPP GRED DG44	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS GRED DG44 PADA 01.07.2022 HINGGA 31.07.2022	KOMBINASI TEMPOH TAHUN (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
3	1	2015	7	1 + 7	8
4					
5					
6	2	2016	6	2 + 6	8
7					
8					
9	3	2017	5	3 + 5	8
10					
11 dan lebih					

\* Genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD dikira sebagai satu (1) tahun berkhidmat di PPPS dengan had maksimum pengalaman sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS Gred DG41

**\*\*PENGALAMAN PPPLD HANYA BOLEH DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA DALAM PERKHIDMATAN TANPA MENGIRA LALUAN KENAIKAN PANGKAT (TBBK/ GURU BESAR EX-PPPLD/ GURU CEMERLANG EX-PPPLD)**



**SENARAI SKIM PERKHIDMATAN ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA (AKP) YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TBK MELALUI SISTEM ePANGKAT BAGI JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022**

1. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
2. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19
3. Pembantu Makmal Gred C19
4. Penyelia Asrama Gred N19
5. Pembantu Pengurusan Murid Gred N19
6. Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19
7. Pemandu Kenderaan Gred R3 (Jawatan Jumud)
8. Pembantu Am Pejabat Gred N1 (Jawatan Jumud)
9. Pekerja Awam Gred R1

URUSAN	GENAP TEMPOH PEKHIDMATAN (TAHUN)
<b>Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 ke Gred N22</b> • Tarikh lantik Gred N17/ N19 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19 ke Gred W22</b> • Tarikh lantik Gred W17/ W19 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pembantu Makmal Gred C19 ke Gred C22</b> • Tarikh lantik Gred C17/ C19 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Penyelia Asrama Gred N19 ke Gred N22</b> • Tarikh lantik Gred N17/ N19 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pembantu Pengurusan Murid Gred N19 ke Gred N22</b> • Tarikh lantik Gred N17/ N19 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 ke Gred N22</b> • Tarikh lantik Gred N17/ N19 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pemandu Kenderaan Gred R3 ke Gred R6</b> • Tarikh lantik Gred R3 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pembantu Am Pejabat Gred N1 ke Gred N4</b> • Tarikh lantik Gred N1 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13
<b>Pekerja Awam Gred R1 ke Gred R4</b> • Tarikh lantik Gred R1 mulai <b>Julai hingga Disember 2009</b>	13

Syarat Kenaikan Pangkat PPP Gred DG29 ke Gred DG32/ Gred DG32 ke Gred DG34/ Gred DG34 ke Gred DG38/ Gred DG41 ke Gred DG44/ Gred DG44 ke Gred DG48/ Gred DG48 ke Gred DG52/ Gred DG52 ke Gred DG54

### SYARAT UMUM

- (a) telah **disahkan dalam jawatan** Gred DG29/ DG41 atau **telah dinaikkan pangkat** ke Gred DG32/ DG34/ DG44/ DG48/ DG52;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga:

TARIKH KELAYAKAN BAGI URUSAN TBBK GRED DG32/ DG34/ DG38/ DG44/ DG48/ DG52/ DG54	LNPT/ PBPPP YANG DIGUNAKAN	MARKAH MINIMUM WAJARAN LNPT/ PBPPP TIGA (3) TAHUN
01 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022	2019, 2020 dan 2021	80 %

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

### SYARAT-SYARAT KHUSUS

- (a) **GENAP** tempoh perkhidmatan lapan (8) tahun di Gred DG29/ DG32/ DG41/ DG44 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja); ATAU
- (b) **GENAP** tempoh perkhidmatan lima (5) tahun di Gred DG34/ enam (6) tahun di Gred DG48/ tiga (3) tahun di Gred DG52;
- (c) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80%; dan
- (d) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT/PBPPP + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80%.



## Syarat Kenaikan Pangkat PPP TBBK Ex-PPPLD Gred DG41/ DG42 ke Gred DG44

### SYARAT UMUM

- (a) telah **disahkan dalam jawatan Gred DG29/ DG41** ATAU telah **dinaikkan pangkat ke Gred DG42 (bagi calon Gred DG42)**;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga:

TARIKH KELAYAKAN BAGI URUSAN TBBK EX-PPPLD GRED DG41/ DG42 KE GRED DG44	LNPT/ PBPPP YANG DIGUNAKAN	MARKAH MINIMUM WAJARAN LNPT/ PBPPP TIGA (3) TAHUN
01 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022	2019, 2020 dan 2021	80 %

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

### SYARAT-SYARAT KHUSUS

- (a) **PPPLD Gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 yang telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41/ dinaikkan pangkat ke Gred DG42, mengambil kira setiap genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD sebagai satu (1) tahun pengalaman di Gred DG41 dengan had maksimum sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS di Gred DG41/ DG42;**
- (b) **GENAP tempoh perkhidmatan lapan (8) tahun secara gabungan di PPPS dan mempunyai pengalaman PPPLD di Gred DG41/ DG42 pada JULAI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022.**
- (c) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80%; dan
- (d) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT/PBPPP + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80%.



## Syarat Kenaikan Pangkat PPP TBBK Ex-PPPLD Gred DG44 ke Gred DG48

### SYARAT UMUM

- (a) telah dinaikkan pangkat ke Gred DG44;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga:

TARIKH KELAYAKAN BAGI URUSAN TBBK EX-PPPLD GRED DG44 KE GRED DG48	LNPT/ PBPPP YANG DIGUNAKAN	MARKAH MINIMUM WAJARAN LNPT / PBPPP TIGA (3) TAHUN
01 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022	2019, 2020 dan 2021	80 %

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
